



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

***PROGRAM SINAR KASIH RAMADAN YKN
BERSAMA ALLIANCE ISLAMIC BANK BERHAD***

TARIKH/MASA/LOKASI

**31 MAC 2024 (AHAD) | 3.00ptg
MYDIN Tunku Vista, Petra Jaya, Kuching**

Kemaskini: 30 Mac 2024

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat petang dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, syukur kita kepada hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul pada petang yang bermakna ini. Terima kasih kepada semua tetamu yang sudi meluangkan masa untuk bersama kami dan semua penerima bantuan yang kita raikan hari ini.

2. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran **YBhg Encik Rizal IL-Ehzan Azim, Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Islamic Bank Berhad**, sebagai penaja utama bagi sumbangan baju raya kepada anak-anak asnaf serta sumbangan bakul makanan. Kerjasama dan sumbangan dari Alliance Islamic Bank Berhad ini sangat kami hargai dan merupakan satu tanda kebersamaan dan kepedulian terhadap masyarakat terutamanya kepada mereka yang memerlukan.

3. Pada bulan Ramadan yang penuh berkah ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada seluruh umat Islam. Marilah kita jadikan bulan yang mulia ini untuk meningkatkan amalan kebajikan dan sedekah. Ingat, tiada sedekah yang terlalu kecil, bahkan pemberian sesederhana sebiji kurma atau sedikit air untuk berbuka adalah penuh bermakna.
4. Hari ini, kita bersama seramai 100 orang kanak-kanak dari keluarga asnaf yang datang dari kawasan Demak Laut dan

Pantai Damai yang telah dibawa ke pasaraya Mydin untuk memilih sendiri pakaian raya mereka.

5. Sebelumnya, kita juga telah membawa seramai 50 orang kanak-kanak ke pasaraya Parkway, Lundu untuk membeli baju raya, serta mengagihkan bakul makanan kepada keluarga-keluarga di Sibu Laut, Pasir Panjang, Pasir Pandak, Sungai Aur dan Sungai Batu sebagai persiapan menyambut Hari Raya.

6. Inisiatif ini adalah hasil dari kerjasama syarikat korporat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat, khususnya dengan **Yayasan Kebajikan Negara** dan **Alliance Islamic Bank Berhad**, yang telah menyumbang sejumlah **RM35 ribu bagi penajaan ini**. Saya ingin mengucapkan setinggi-tingginya penghargaan kepada Rakan Strategik kami, Alliance Islamic Bank Berhad, yang saban tahun bersama membantu mereka yang kurang bernasib baik.
7. Di sini, saya ingin menyeru kepada syarikat-syarikat korporat, NGO, dan individu untuk terus menyalurkan sumbangan

mereka kepada Yayasan Kebajikan Negara. Dengan cara ini, sumbangan dapat diatur dan disalurkan secara lebih berpusat dan sistematik kepada yang memerlukan. Setiap sumbangan tunai akan diberikan resit pengecualian cukai, sebagai tanda penghargaan kami kepada para penyumbang.

8. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga usaha baik kita semua ini mendapat

keberkatan dari Allah SWT dan dapat kita teruskan lagi di bulan Ramadan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
31 Mac 2024 (Ahad)